



**PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 52 TAHUN 2016**

**SKIM PEMANTAPAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar
15 Disember 2016

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.05.03/100-3/2/1 Jld. 5 (60)

15 DISEMBER 2016

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 52/2016

SKIM PEMANTAPAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan memaklumkan kepada pengetahuan semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 5 Tahun 2016 yang bersidang pada 31 Oktober 2016 telah meluluskan Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) di UTeM.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Dalam usaha Universiti untuk mewujudkan platform untuk membudayakan akademik di UTeM, pelbagai kemudahan telah disediakan agar staf diberikan peluang untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang dapat menyokong pencapaian akademik dan penyelidikan. Antara kemudahan yang ditawarkan untuk staf menjalankan aktiviti akademik adalah seperti Skim Cuti Belajar, Skim Cuti Belajar Bukan Akademik (SCuBBA), Skim Pasca Kedoktoran, Skim Fellowship, Skim Cuti Sabatikal, Skim Sangkut Industri dan Skim Jurutera Profesional.

2.2 Demi memperkasakan budaya penyelidikan di Universiti, pihak Universiti telah mewujudkan Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) yang bertujuan untuk memberikan peluang kepada staf akademik untuk memperuntukkan masa serta memberi fokus kepada penyelidikan yang dijalankan dalam satu tempoh masa yang dibenarkan. SPP adalah satu kemudahan cuti yang diberikan kepada staf untuk menyelesaikan geran penyelidikan yang telah diluluskan.

3.0 OBJEKTIF PEWUJUDAN SPP

3.1 Berikut adalah objektif skim ini diwujudkan:

- i. Sebagai platform kepada staf akademik dalam memberikan fokus secara sepenuh masa dalam jangka masa pendek bagi menyelesaikan urusan hal ehwal penyelidikan yang melibatkan kepentingan UTeM;
- ii. Meningkatkan nilai tambah kecemerlangan akademik serta produktiviti dalam bidang kepakaran. Ini selari dengan percambahan ilmu yang sentiasa berkembang;
- iii. Membantu mengoptimumkan pengurusan kewangan geran penyelidikan; dan
- iv. Membantu staf untuk meningkatkan jaringan dengan industri dan organisasi luar yang lain menerusi penyelidikan.

4.0 PELAKSANAAN

Skim ini adalah terbuka kepada semua staf akademik. Tempoh SPP yang dibenarkan adalah maksimum 3 bulan dalam satu kalendar akademik dan dibenarkan pada cuti semester sahaja. Garis Panduan, syarat dan tatacara permohonan boleh dirujuk seperti di **Lampiran A**.

5.0 PERTANYAAN LANJUT

5.1 Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh dikemukakan kepada pegawai-pegawai berikut :

- (a) Encik Akmal bin Abdul Manap – Tel. : 06-331 6134,
e-mel: akmal@utem.edu.my ; atau
- (b) Puan Erdalia Erna binti Daud – Tel. : 06-331 6850,
e-mel: erdalia@utem.edu.my

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai 31 Oktober 2016.

Sekian, terima kasih.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



DATUK HASAN BIN SIRUN
Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
/eed



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

GARIS PANDUAN DAN PERATURAN SKIM PEMANTAPAN PENYELIDIKAN (SPP)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen 19 Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Lembaga Pengarah menurut peruntukan seksyen tersebut membuat Skim berikut:

Nama dan Tarikh Penguatkuasaan

1. Skim ini hendaklah dikenali sebagai Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh Lembaga Pengarah meluluskan Skim ini.

BAHAGIAN SATU

TAFSIRAN

2. Dalam Peraturan ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:
 - 2.1 "Skim Pemantapan Penyelidikan" ertinya skim yang diluluskan kepada staf UTeM yang layak untuk tujuan memberi fokus sepenuh masa dalam jangka masa pendek bagi melaksanakan urusan penyelidikan;
 - 2.2 "Lembaga Pengarah" ertinya Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

- 2.3 “Naib Canselor” ertinya Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka;
- 2.4 “Ketua Pusat Tanggungjawab” ertinya Ketua Pusat Tanggungjawab hakiki kepada staf yang memohon dimana staf itu bertugas;
- 2.5 “Staf” ertinya staf akademik bertaraf Tetap Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang terdiri daripada Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah, Jurutera Pengajar dan Guru Bahasa
- 2.6 “Senat” ertinya Senat Universiti Teknikal Malaysia Melaka;
- 2.7 “JKCB” ertinya Jawatankuasa Cuti Belajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka;
- 2.8 “Hal Ehwal Penyelidikan” ertinya segala urusan yang melibatkan aktiviti penyelidikan yang memberikan kepentingan dan impak tinggi kepada Universiti;
- 2.9 “Bahagian Cuti Belajar (BCB)” ertinya Bahagian Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar Universiti Teknikal Malaysia Melaka;
- 2.10 “Perjanjian” ertinya Perjanjian Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP);
- 2.11 “Tempoh Program” ertinya tempoh program yang diluluskan oleh JKCB sepertimana yang dinyatakan di dalam surat tawaran kelulusan;
- 2.12 “Geran Penyelidikan” ertinya peruntukan kewangan yang diluluskan untuk membiayai sesuatu projek sama ada menerusi bajet mengurus Universiti atau Agensi Luar, FRGS, ERGS, FRGS (Race), Antarabangsa, Khas, KTP, MTUN-COE, PPRN, PRGS, RAGS, Science Fund, PJP, PJP COE, PJP Topdown dan PJP Prototaip; dan

2.13 "Universiti" ertinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

BAHAGIAN DUA

OBJEKTIF

3. Objektif Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) ini adalah bagi meningkatkan nilai tambah kecemerlangan intelek serta produktiviti dalam pelbagai bidang kepakaran. Ini selari dengan percambahan ilmu yang sentiasa berkembang. Bagi mencapai matlamat ini, staf dibenarkan menjalani Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) untuk aktiviti-aktiviti berikut:-

3.1 Memberikan ruang kepada staf UTeM untuk memberi fokus secara sepenuh masa dalam jangka masa pendek bagi menyelesaikan hal ehwal penyelidikan yang melibatkan kepentingan UTeM.

3.2 Meningkatkan nilai tambah kecemerlangan akademik serta produktiviti dalam bidang kepakaran. Ini selari dengan percambahan/konsep ilmu yang sentiasa berkembang.

3.3 Membantu mengoptimumkan pengurusan kewangan geran penyelidikan.

3.4 Membantu staf untuk meningkatkan jaringan dengan industri dan organisasi luar yang lain.

BAHAGIAN TIGA

SYARAT PERMOHONAN

4. Permohonan calon yang memenuhi syarat berikut adalah layak dipertimbangkan:-

*Syarat
Permohonan*

- a) Staf UTeM yang berjawatan **TETAP** dan telah disahkan dalam jawatan serta telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.
- b) Disokong dan mendapat kebenaran daripada Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj).
- c) Umur tidak melebihi dua belas (12) bulan kalendar sebelum tarikh bersara wajib pada tarikh staf akan menghabiskan tempoh program ini.
- d) Staf tidak memegang sebarang jawatan pentadbiran.
- e) Bebas daripada pertuduhan tatatertib dan bebas daripada pertuduhan mahkamah.
- f) Menunjukkan prestasi yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan.
- g) Skim ini dirancang dan dilaksanakan tanpa menjejaskan tugas rasmi di universiti.
- h) Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) ini adalah **tidak terpakai** bagi staf yang sedang menjalani Skim Cuti Belajar / Skim Pasca Kedoktoran / Skim Sabatikal / Skim Sangkut Industri / Skim Jurutera Professional.
- i) Pemohon **mestilah** mempunyai **Geran Penyelidikan dan sedang menjalankan aktiviti penyelidikan**. Kelulusan diberikan hanya untuk menyelesaikan penyelidikan sahaja berdasarkan baki geran yang masih dalam tempoh 3 bulan terakhir. Pengesahan status geran perlu disahkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM).

BAHAGIAN EMPAT

PERMOHONAN DAN KELULUSAN

5. Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Cuti Belajar (JKCB) yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Manakala Bahagian Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar diberikan tanggungjawab

Kelulusan

untuk menguruskan segala proses yang melibatkan Skim ini. Bagi permohonan, staf hendaklah mengemukakan dokumen seperti berikut:-

- a) Mengisi Borang Permohonan Pemantapan Penyelidikan (SPP) yang dikeluarkan oleh Universiti dan disertakan bersama perancangan kerja serta dokumen-dokumen sokongan seperti yang dinyatakan di dalam borang berkenaan.
- b) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada BCB melalui Ketua PTj tidak kurang dari **dua (2) bulan** sebelum tarikh memulakan program ini.
- c) Ketua PTj juga perlu memastikan bahawa kepentingan jabatan tidak terjejas sekiranya pemohon menjalani Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP).
- d) Permohonan akan dibincangkan dan diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Cuti Belajar yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

BAHAGIAN LIMA

TEMPOH PROGRAM

6. Tempoh Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) yang dibenarkan adalah **maksimum tiga (3) bulan dalam satu (1) tahun kalendar akademik** dan diluluskan secara berterusan.

BAHAGIAN ENAM

PEMILIHAN TEMPAT

7. Pemohon berhak memilih tempat untuk menjalankan program ini. Berikut adalah asas pemilihan tempat pengajian seperti yang digariskan oleh pihak Universiti:-

- 7.1 Pemilihan tempat adalah tanggungjawab pemohon. Tempat yang dimaksudkan ini adalah Universiti, Institusi Penyelidikan, Industri, agensi kerajaan dan badan berkanun.
- 7.2 Tempat yang dipilih mestilah mempunyai sumber dan infrastruktur yang dapat menyokong cadangan projek atau kerja yang hendak disempurnakan oleh pemohon semasa program dijalankan. Bukti-bukti kukuh tentang sumber dan infrastruktur ini hendaklah disertakan semasa permohonan.
- 7.3 Universiti menggalakkan Skim ini dilaksanakan di institusi yang mempunyai jaringan kerjasama MOU/MOA dengan UTeM bagi memperkukuhkan hubungan kerjasama.

BAHAGIAN TUJUH

SUMBER KEWANGAN

8. Berdasarkan kelulusan yang diberikan, berikut adalah dasar pembiayaan yang digariskan oleh Universiti:-
 - a) Universiti **tidak menyediakan** kemudahan pembiayaan.
 - b) Pemohon digalakkan untuk mendapatkan pembiayaan daripada pihak luar. Sekiranya ada, semua surat-menyurat yang berkenaan mestilah disertakan semasa permohonan.
 - c) Urusan kemasukan dan urusan logistik lain seperti tempahan tiket, penginapan dan lain-lain adalah tanggungjawab pemohon.

BAHAGIAN LAPAN

KEMUDAHAN DAN FAEDAH

9. Staf tidak layak mendapat cuti rehat sepanjang tempoh menjalani Skim Pemantapan Profesional Penyelidikan (SPP).
10. Staf layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat sepanjang tempoh menjalani skim ini.

11. Staf yang diluluskan Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) akan diberi gaji penuh dan elaun-elaun yang bersangkutan dengan gaji yang mana ia berkecukupan.
12. Staf yang memenuhi syarat Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) sama ada di dalam atau luar negara boleh berusaha dan digalakkan mendapatkan tajaan dari agensi luar yang tidak melibatkan ikatan perjanjian perkhidmatan.
13. Staf tidak layak untuk menikmati sebarang elaun kerana berkursus.
14. Skim ini akan direkodkan di dalam Buku Skim Perkhidmatan.

BAHAGIAN SEMBILAN

LAPORAN

15. Staf yang telah menjalani Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) hendaklah mengemukakan satu laporan akhir mengenai kerja yang telah dijalankan olehnya di bawah program ini kepada Bahagian Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar melalui Ketua PTj dalam tempoh **30 hari** selepas staf kembali dari mengikuti program. *Laporan Akhir*
16. Penulisan laporan hendaklah mengikut format berikut:-
 - a) Ringkasan Eksekutif
 - b) Pengenalan
 - c) Aktiviti
 - d) Hasil (*Outcome*)
 - e) Manfaat kepada Universiti dan Fakulti
 - f) Jalinan kerjasama yang diperolehi
17. Staf yang tidak mengemukakan laporan dalam tempoh yang ditetapkan, tidak akan diberi pertimbangan untuk diluluskan program ini di masa akan datang.
18. Laporan Penyelidikan/tesis/buku atau apa jua hasil dari Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) hendaklah dikemukakan kepada Universiti dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tamat program. Apa jua hasil yang diserahkan kepada Universiti adalah menjadi hak

Universiti dan atas kebenaran Universiti ianya boleh digunakan sebagai bahan bacaan umum.

BAHAGIAN SEPULUH

PERJANJIAN PERKHIDMATAN

19. Kelulusan Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) ini adalah tertakluk kepada syarat bahawa staf itu hendaklah melaksanakan satu (1) perjanjian dengan dua (2) orang penjamin, mengakujaji akan berkhidmat dengan Universiti selama tempoh ikatan perkhidmatan seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual A**.
20. Jika staf masih terikat oleh sesuatu perjanjian yang terdahulu dengan Universiti, maka tempoh latihan akan diambil kira sebagai menyempurnakan syarat berkhidmat di bawah perjanjian itu.
21. Surat perjanjian yang lengkap hendaklah ditandatangani sebelum staf memulakan skim ini.

BAHAGIAN SEBELAS

PELANGGARAN PERJANJIAN

22. Staf dianggap telah melanggar perjanjian sekiranya didapati;
 - 22.1 meninggalkan Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) sebelum sempurnanya program itu tanpa persetujuan Universiti;
 - 22.2 mendapati Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) diberhentikan mengikut klausa dalam perjanjian;
 - 22.3 berhenti daripada atau meninggalkan perkhidmatan Universiti setelah mengakujaji berkhidmat dengan Universiti seperti di para 19;
 - 22.4 dibuang kerja daripada perkhidmatan Universiti kerana salah laku, kecuaiian atau tidak mengendahkan kewajipan-kewajipannya sebagai seorang staf Universiti; atau

*Sebab-sebab
Pelanggaran
Perjanjian*

22.5 tidak mahu atau oleh kerana salah lakunya sendiri menjadikan dirinya tidak sesuai berkhidmat atau terus berkhidmat dengan Universiti.

23. Maka dalam mana-mana hal yang demikian, staf berkenaan dan penjamin-penjaminnya hendaklah bertanggungjawab membayar kepada Universiti wang gantirugi bersamaan dengan kos sebenar yang telah dibelanjakan ke atas staf dalam tempoh menjalani Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) termasuk emolumen.

Gantirugi

BAHAGIAN DUA BELAS

CUTI REHAT

24. Cuti rehat yang staf layak perolehi dalam tempoh Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) adalah dianggap luput dari tarikh ia memulakan skim ini.

BAHAGIAN TIGA BELAS

PENERBITAN DAN HARTA INTELEK

25. Semua penerbitan oleh staf mestilah membawa nama (afiliasi) Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
26. Segala hak harta intelek yang dihasilkan daripada Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka adalah pemilik utama atau bersama dan hendaklah membawa nama UTeM.

BAHAGIAN EMPAT BELAS

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

27. Semasa menjalankan Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP), staf hendaklah memastikan bahawa program pengajian/penyelidikan yang diluluskan terlaksana sepenuhnya.

28. Sekiranya rancangan program yang telah diluluskan perlu dipinda, staf berkenaan hendaklah mengemukakan permohonan kepada pihak Universiti melalui Ketua PTj.
29. Semasa menjalani Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) dalam perkhidmatan Universiti dan staf adalah dilarang menjalankan sebarang pekerjaan atau apa-apa aktiviti untuk keuntungan dari pihak atau sumber lain tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis daripada Jawatankuasa Cuti Belajar.
30. Staf tidak dibenarkan mengikuti apa-apa program atau kursus lain selain daripada Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) yang telah ditetapkan kecuali dengan kebenaran Universiti.

*Bekerja Atau
Menjalani Aktivi
Lain Untuk
Keuntungan*

*Program atau
kursus lain selai
daripada SPP*

BAHAGIAN LIMA BELAS

TATA KELAKUAN

31. Semasa tempoh Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP), staf adalah di bawah kawalan dan tertakluk kepada kaedah dan peraturan tatatertib yang berkuat kuasa di Universiti dan hendaklah berkelakuan selaras dengan tanggungjawabnya terhadap Universiti dan Kerajaan Malaysia.

BAHAGIAN ENAM BELAS

PENAMATAN

32. Universiti berhak menamatkan atau membatalkan kelulusan Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) staf pada bila-bila masa yang dirasakan wajar oleh Universiti dan notis penamatan akan disampaikan kepada staf dalam tempoh masa yang munasabah.
33. Sekiranya Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) ditamatkan atau dibatalkan, perjanjian perkhidmatan yang telah ditandatangani akan disesuaikan dengan keadaan sedemikian.

BAHAGIAN TUJUH BELAS

HAK UNIVERSITI

34. Universiti berhak menamatkan atau membatalkan kelulusan Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) staf pada bila-bila masa sahaja yang dirasakan wajar.
35. Walau apa pun perbekalan dalam peraturan syarat-syarat dan/atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang notis dan staf adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan dan/atau tambahan-tambahan tersebut.

BAHAGIAN LAPAN BELAS

LAPOR DIRI

36. Staf hendaklah melapor diri seurus selepas tamat tempoh Skim Pemantapan Penyelidikan (SPP) di Bahagian Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar. Kegagalan untuk melapor diri pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang makluman akan dikenakan tindakan tatatertib.

**JADUAL A : IKATAN PERJANJIAN
SKIM PEMANTAPAN PENYELIDIKAN (SPP)**

TEMPOH PROGRAM	TEMPOH IKATAN PERKHIDMATAN		JUMLAH GANTI RUGI	
	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA
1 – 3 BULAN	1:2*		Kos Sebenar	

*(1:2) merupakan tempoh yang digandakan (double period)